

Anggota Parlimen Cadangkan Harga Barangan Di Sabah Diseragam Dengan Semenanjung
Bernama
20 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Seorang Anggota Parlimen mencadangkan agar kerajaan menyeragamkan harga barangan keperluan di negara ini supaya penduduk di Sabah dapat menikmati harga barangan keperluan bersubsidi pada harga yang sama seperti pengguna di Semenanjung.

Datuk Dr Marcus Mojigoh (BN-Putatan) berkata isu harga barangan keperluan di Sabah menjadi rungutan penduduk negeri itu berikutan kenaikan harga barangan keperluan harian kebelakangan ini.

"Saya cadangkan kerajaan mengkaji semula perkara ini supaya rakyat tidak dibebani dengan masalah kenaikan harga barang sedangkan kerajaan mampu memperuntukkan subsidi sebanyak RM37 juta untuk gandum dan RM367 juta bagi pembelian gula mentah," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 pada persidangan Dewan Rakyat.

Beliau berkata jika kerajaan terus mengimpot gula mentah dan tepung gandum dari negara luar, hanya syarikat yang dilantik mendapat keuntungan bukannya rakyat khususnya di Sabah.

Terdahulu, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin membentang rang undang-undang itu untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat, bagi memohon peruntukan tambahan berjumlah RM13,795,345,000 sebagai peruntukan mengurus tambahan pertama tahun ini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674432>